

PM: Sukan golf

25

KUALA LUMPUR 17 Nov. — Kerajaan akan memberi tumpuan kepada industri pelancongan berasaskan sukan golf bagi menjadikan negara ini sebagai destinasi utama peminat-peminat sukan itu di rantau ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, golf merupakan sukan yang mempunyai kaitan dengan pelancongan kerana pelancong biasanya

terpikat dengan pemandangan padang golf yang cantik.

Lagi pula katanya, di negara ini padang golf selalunya dibangunkan bersama dengan kawasan peranginan yang menyediakan kemudahan penginapan kepada pelancong.

“Kerajaan berminat untuk membangunkan industri pelancongan berasaskan golf... ia penyumbang utama kepada pendapatan negara

melalui tukaran asing,” katanya ketika berucap pada jamuan sempena Kejohanan Golf Piala Dunia 1999 (WCG '99), di sini malam ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebanyak 64 pemain dari 32 negara yang menyertai kejohanan empat

hari bermula esok, turut memeriahkan majlis itu.

Mereka termasuklah pemain nombor satu dunia, Tiger Woods dari Amerika Syarikat dan pemain terbaik Eropah, Colin Montgomerie dari Scotland.

Menurut Perdana Menteri lagi, Malaysia kini sedang bersiap sedia untuk menjadi ‘syurga’ sukan golf di rantau ini.

Katanya, hasrat itu mampu dicapai dengan

menarik pelancong

sokongan sektor swasta serta perkembangan pesat sukan golf di negara ini.

“Pertumbuhan pesat dalam pembangunan padang golf sejak 10 tahun lalu menjadi bukti bahawa ia semakin popular,” katanya.

Pada masa sekarang, kata Dr. Mahathir terdapat lebih 200 buah padang golf di negara ini.

Oleh itu katanya, adalah tidak mengejutkan

apabila minat terhadap bidang itu semakin meningkat di kalangan eksekutif-eksekutif korporat dan pelabur.

Lagi pula katanya, pelancong biasanya akan terpikat dengan keindahan padang golf.

Malah kata beliau, pada masa sekarang Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang murah berbanding negara-negara lain kerana nilai ringgit yang rendah ber-

banding beberapa mata wang utama dunia.

Sehubungan itu kata Dr. Mahathir, Malaysia amat berbangga kerana terpilih sebagai tuan rumah WCG '99.

Katanya, sudah terbukti bahawa golf dapat dijadikan alat untuk meningkatkan hubungan baik di peringkat antarabangsa apabila orang ramai daripada pelbagai budaya, kepercayaan dan kewarganegaraan boleh duduk

bersama-sama atas semangat kesukanan.

“Malah kejohanan ini merupakan tempat untuk pelbagai negara bertemu, bertanding serta mengukuhkan semangat setia-kawan,” jelas beliau.

Sementara itu kata Perdana Menteri, tema kejohanan kali ini *Go For The Green* amat bersesuaian dengan prinsip negara ini yang sentiasa mengekalkan kehijauan hutan semula jadinya.